

TERMA DAN SYARAT PENGELUARAN/PINDAH MILIK SYER (MENINGGAL DUNIA)

1. Waris simati / pihak yang berhak sahaja yang boleh memberi persetujuan kepada wakil yang dinyatakan di dalam Borang KSDJB 003 dan KSDJB 004
2. Sekiranya ruang (B. Maklumat Waris) pada Borang KSDJB 004 tidak mencukupi, sila lengkapkan Borang KSDJB 004 yang berasingan
3. Penerima yang telah diberi persetujuan untuk pindah milik hendaklah melengkapkan Borang KSDJB 001 dan KSDJB 002 setelah mendapat Surat Terimaan Pindah Milik daripada Koperasi
4. Sila sertakan salinan yang diakui sah seperti berikut :-
 - i) Surat Perintah Pembahagian (Akta Harta Pusaka Kecil [Pembahagian] 1955) atau Surat Perintah Mahkamah Syariah atau Surat Perintah Mahkamah Sivil atau Amanah Raya Berhad atau surat-surat perintah daripada institusi-institusi lain yang setaraf dengannya; atau
 - ii) Sijil kematian; dan
 - iii) Sijil Nikah (*Jika Pemohon Suami / Isteri Simati); dan
 - iv) Kad Pengenalan Pemohon & Penerima/Wakil yang dilantik; dan
 - v) Sijil Kelahiran (Waris berumur di bawah 18 tahun); dan
 - vi) Kad Pengenalan Waris-waris; dan
 - vii) Lain-lain dokumen sokongan (sekiranya diperlukan oleh Koperasi)(Nota : Pengesahan dokumen boleh dilakukan oleh saksi sepertimana di perenggan 5 di bawah)
5. Saksi hendaklah terdiri daripada **SALAH SATU** daripada berikut :-
 - i) Amanah Raya Berhad;
 - ii) Penghulu;
 - iii) Pentadbir Tanah;
 - iv) Pesuruhjaya Sumpah;
 - v) Pegawai Tempat Belajar;
 - vi) Pegawai Tempat Bekerja;
 - vii) Majistret;
 - viii) Jaksa Pendamai;
 - ix) Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya, Sabah dan Sarawak;
 - x) Pihak Kedutaan Malaysia; atau
 - xi) Pihak Kedutaan warganegara tersebut
6. Bayaran akan dibuat setelah semua Borang Permohonan yang lengkap diterima oleh Koperasi
7. Peraturan pengeluaran syer ini adalah tertakluk kepada pindaan dan Koperasi berhak pada bila-bila masa meminda peraturan tersebut yang difikirkan sesuai tanpa memberikan sebarang notis kepada anggota

Sebarang pertanyaan sila hubungi :